

BAB 5

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Rumusan

Penyelidikan berkenaan amalan pentaksiran yang dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di SBPI Selangor ini telah menggunakan method kajian kes secara kualitatif.

Data yang dikutip telah dianalisis secara kualitatif untuk menghasilkan dapatan kajian. Bab ini akan merumuskan dapatan kajian dan seterusnya membincangkan beberapa perkara yang akan dikaitkan dengan dapatan kajian lampau. Selepas itu penyelidik juga akan mengemukakan beberapa implikasi kajian dan cadangan lanjutan hasil daripada dapatan yang dikemukakan.

Rumusan Mod Amalan Pentaksiran

Rumusan berkenaan lapan lapan mod amalan pentaksiran yang diperolehi hasil daripada analisis semua data pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen ini amat penting bagi menghuraikan jawapan terhadap persoalan utama kajian, iaitu bagaimana peserta kajian menjalankan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam konteks kajian kes ini.

Huraian yang telah dibuat adalah berdasarkan dapatan yang dikutip secara semulajadi daripada tempat kajian dan terbit daripada perspektif peserta kajian sendiri. Ia bebas daripada sebarang interpretasi penyelidik. Walau bagaimanapun tinjauan literatur berkenaan amalan pentaksiran untuk kajian ini amat membantu penyelidik mengesan mod amalan pentaksiran, dan akhirnya lapan mod amalan ini telah dapat dirumuskan. Ia terhasil apabila kategori dibuat bagi setiap situasi yang dicerap. Setiap kategori yang berbeza diasingkan di dalam borang matriks yang digunakan.

Melalui setiap mod amalan ini juga, penyelidik merumuskan jawapan berkenaan persoalan bagaimana guru menjalankan aktiviti pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ia tidak boleh dijawab dengan satu atau dua ayat. Tetapi sebaliknya dengan beberapa mod amalan yang mengandungi berbagai aktiviti dan tujuan pelaksanaannya sekali.

Jenis Amalan Pentaksiran dalam Bilik Darjah

Berdasarkan kepada huraian lapan mod amalan pentaksiran di atas dan juga berdasarkan kepada beberapa kenyataan verbatim yang lain, adalah didapati bahawa di antara jenis amalan pentaksiran yang digunakan oleh peserta kajian di dalam kes ini dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- (1) Pentaksiran secara lisan seperti soal jawab, perbincangan, membetulkan kesalahan, menjelaskan jawapan yang tepat dan sebagainya.
- (2) Pentaksiran secara bertulis melalui latihan menjawab soalan yang dikemukakan di dalam kertas edaran. Peserta kajian memberi peluang kepada pelajar berbincang, menggunakan kamus dan menjawab soalan dengan menulis jawapan masing-masing. Kemudian peserta kajian meminta pelajar membaca soalan dan jawapan di dalam kelas. Selepas itu peserta kajian juga ada menyuruh beberapa orang pelajar menulis jawapan di papan putih di hadapan kelas. Jawapan pelajar dibincang dan disemak bersama guru dan pelajar. Pelajar menyukai cara ini kerana dapat belajar daripada kesalahan yang dilakukan melalui pembetulan segera oleh guru di dalam bilik darjah.
- (3) Pentaksiran secara membaca teks perbualan secara berkumpulan. Peserta kajian memastikan pelajar membaca dengan jelas, betul, fasih dan lancar. Peserta kajian segera menegur kesalahan bacaan. Terdapat beberapa kesalahan bacaan yang diperbetulkan secara lisan, bertulis di papan putih dan juga meminta pelajar lain menyebut sebutan yang betul secara beramai-ramai.
- (4) Lain-lain jenis pentaksiran yang dijalankan adalah mengemukakan soalan terbuka kepada kelas dan pelajar yang ingin menjawab mengangkat tangan. Ia lebih berbentuk kuiz terbuka di dalam bilik

darjah, pengurusannya tidaklah begitu formal, tiada markah yang dicatatkan dan ada pelajar yang tidak berpeluang menjawab sama.

Tujuan Amalan Pentaksiran dalam Bilik Darjah

Hasil daripada analisis data pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen juga; penyelidik dapat merumuskan bahawa terdapat beberapa tujuan mengapa peserta kajian menjalankan amalan pentaksiran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Untuk membantu pembelajaran pelajar melalui bimbingan berterusan agar mencapai tahap yang lebih baik di dalam peperiksaan selaras dengan piawai pencapaian yang ditetapkan oleh Sekolah Berasrama Penuh.
- (2) Untuk mengesan pelajar yang lemah dan cemerlang. Dengan cara ini pelajar yang lemah diberi tumpuan dan bimbingan khusus agar dapat menyamai prestasi pelajar yang cemerlang. Kelas pemulihan dan pengayaan dijalankan oleh guru pada waktu petang atau malam.
- (3) Untuk memastikan pencapaian pelajar dan penguasaan dalam setiap unit yang diajar. Mereka diberi tumpuan agar memahami dan menguasai apa yang diajar. Kemudian bagi tujuan untuk menamatkan sukanan pelajaran pada bulan Julai, kelas tambahan diadakan pada waktu petang atau malam.

- (4) Untuk memastikan pelajar mempunyai kemahiran dalam membaca, menulis dan menjawab soalan dengan betul. Beberapa panduan berkenaan peperiksaan juga turut dijelaskan kepada pelajar seperti bagaimana cara pemarkahan dibuat. Kemahiran berkomunikasi tidak ditekankan kerana penumpuan lebih berkenaan keperluan menduduki peperiksaan.

Perbincangan

Daripada apa yang dibentangkan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peserta kajian dalam kes ini cenderung untuk menggunakan beberapa jenis amalan pentaksiran seperti perbincangan, soal jawab, soalan lisan dan latihan bertulis. Di samping itu aspek reaksi pelajar dan maklum balas pelajar juga turut digunakan oleh peserta kajian untuk mentaksir setakat mana objektif pengajaran dan sasaran pembelajaran tercapai.

Di dalam satu latihan kajian survey yang telah dilakukan oleh penyelidik sendiri berkenaan dengan amalan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran, terdapat 5 jenis aktiviti pentaksiran yang paling kerap digunakan oleh responden, iaitu: (1) perbincangan dan soal jawab, (2) soalan lisan, (3) latihan bertulis, (4) ujian bulanan, dan (5) peperiksaan penggal. Bagi kelima-lima jenis pentaksiran ini sebanyak 98.6% (73) daripada 74 orang responden yang daripada guru-guru di 4 buah

sekolah di daerah Gombak menjawab soal selidik menyatakan pernah menggunakaninya.

Kaedah Perbincangan, Soal Jawab dan Latihan Bertulis

Kaedah perbincangan, soal jawab dan soalan lisan adalah merupakan amalan pentaksiran dalam bilik darjah yang sering dilakukan untuk tujuan pembelajaran ‘*assessment for learning*’ sebagaimana yang dinyatakan oleh Stiggins (2002) dan Trevisan (2002). Kaedah ini cepat, mudah dan senang ditadbirkan serta dapat membantu guru mendapat maklum balas yang cepat terhadap kefahaman pelajar (Abu Bakar Nordin, 1986; Mohamad Sahari Nordin, 2002). Kaedah ini juga diperhatikan oleh penyelidik melalui mod amalan pentaksiran yang berlaku di dalam kajian kes ini. Kesannya amat baik kerana ia dapat mengurangkan tekanan pelajar semasa belajar di samping memberi peluang kepada mereka belajar daripada kesilapan diri sendiri yang dibimbing segera oleh guru.

Di samping itu kaedah yang biasa digunakan oleh peserta kajian di dalam kajian kes ini juga ialah secara latihan bertulis di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian kes ini, peserta kajian mengakui sendiri bahawa pentaksiran secara bertulis paling baik kerana ia boleh meninggalkan kesan yang lama dan dapat dirujuk oleh pelajar. Teknik membetulkan segera kerja bertulis pelajar melalui perbincangan, soal jawab dan penerangan didapati berjaya menarik minat pelajar di samping mampu membantu pembelajaran mereka. Apabila ditanya

kepada pelajar di dalam satu temu bual berasingan di luar kelas, pelajar memberitahu mereka banyak belajar daripada kesilapan yang dilakukan oleh rakan-rakan sekelas semasa belajar. Walaupun mereka sentiasa berusaha untuk menjawab dengan betul, tetapi kesilapan yang dibetulkan oleh guru amat penting dan membantu.

Perkara ini bertepatan dengan saranan Black dan Wiliam (1998) agar pelajar diberi peluang mendapat makna daripada aktiviti pembelajaran dan pentaksiran yang dijalankan. Dengan cara ini mereka akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sendiri. Keadaan ini sudah tentu mampu mempertingkatkan pembelajaran mereka seperti yang dinyatakan oleh Stiggins (2002) ke arah pembelajaran yang lebih baik (*assessment for better learning*).

Manfaat Pentaksiran Kepada Guru

Amalan pentaksiran yang berterusan serentak dengan pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan maklumat yang berguna kepada guru bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif mata pelajaran. Ia dilakukan dengan menggunakan perbagai kaedah seperti soal jawab, latihan, soalan lisan, soalan bertulis, pemerhatian, interaksi, temu bual, reaksi pelajar, penyelesaian masalah, pembentukan soalan pelajar dan sebagainya.

Semasa sesuatu sesi pengajaran di dalam bilik darjah berlangsung, guru mentaksir adakah pengajarannya telah difahami dan dikuasai oleh pelajar. Adakah objektif dan sasaran pembelajaran telah tercapai? Jika tidak mungkin objektif dan


skop pengajaran itu terlalu luas atau melebihi tahap penguasaan pelajar. Justeru, maka guru berpeluang mengkaji semula perancangan pengajaran agar lebih berkesan kepada pelajar.

Perancangan itu termasuklah memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan, menetapkan objektif pengajaran yang lebih khusus dan penggunaan bahan bantu mengajar yang boleh memudahkan penguasaan pelajar di samping dapat menarik minat. Aktiviti pentaksiran di dalam bilik darjah adalah meliputi proses mengukur, menilai dan membuat pertimbangan tentang kebolehan, kemahiran dan kefahaman pelajar berdasarkan *objektif* atau *matlamat pembelajaran* yang telah ditetapkan oleh guru. Dalam masa yang sama guru berpeluang memperbaiki aktiviti pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Aktiviti yang sama berulang dalam berbagai pendekatan membentuk kitaran pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran yang berterusan dalam memastikan objektif ataupun sasaran pembelajaran tercapai.

Kitaran Pengajaran, Pembelajaran dan Pentaksiran

Jika diperhatikan kepada rajah 6 di bawah yang menunjukkan bagaimana objektif pengajaran (O) berhubung kait dengan aktiviti pengajaran (A), pembelajaran (B) dan pentaksiran (T) yang berlaku di dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Penetapan objektif (O) adalah amat penting di dalam proses pengajaran. Kejayaan pengajaran akan dilihat berdasarkan setakat manakah

objektifnya tercapai. Tugas ini dijalankan oleh pentaksiran yang dapat membuktikan sama ada objektif tercapai atau tidak.



Apabila O_1 masih belum dikuasai, maka sepatutnya guru melakukan pemulihan dengan mengulangkaji proses $A_1-B_1-T_1-O_1$. Jika O_1 telah dikuasai oleh pelajar, maka guru akan memulakan O_2 dan diikuti dengan $A_2-B_2-T_2-O_2$ dan begitulah seterusnya. Proses ini berterusan sepanjang tahun pengajian di sekolah membentuk satu kitaran P&P yang bersifat dinamik. **Matlamat utama P&P ialah memastikan pelajar dapat menguasai semua $O_1 - O_2 - O_3 - O_4 \rightarrow$**

[**O=Objektif, A=Pengajaran, B=Pembelajaran, T=Pentaksiran**]

Rajah 6: Pentaksiran dalam memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai

Merujuk kepada rajah 6 di atas juga, kita dapat melihat bagaimana elemen objektif, pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran amat berkaitan di antara satu sama lain. Penetapan objektif pengajaran dan pembelajaran ($O_1 - O_2 - O_3 - O_4$) yang jelas

adalah amat penting. Ia perlu disusuli dengan proses pengajaran guru ($A_1 - A_2 - A_3 - A_4$) dan seterusnya proses pembelajaran pelajar ($B_1 - B_2 - B_3 - B_4$).

Bagi menjalankan aktiviti pengajaran guru ($A_1 - A_2 - A_3 - A_4$) dan seterusnya pembelajaran pelajar ($B_1 - B_2 - B_3 - B_4$), guru perlu menggunakan kaedah-kaedah serta pendekatan yang tertentu yang terkandung di dalam pedagogi pengajaran guru. Pada peringkat inilah pemilihan gaya pembelajaran serta bahan bantu mengajar amat penting. Ia mesti disesuaikan dengan topik, kandungan pengajaran, falsafah pendidikan, kesesuaian masa, kemampuan pelajar dan kemudahan yang ada disediakan. Faktor-faktor yang boleh memudahkan pelajar menguasai isi kandungan pengajaran, menarik minat dan merangsang semua domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar perlu digarapkan bersama.

Peringkat seterusnya ialah untuk memastikan tahap pencapaian objektif pengajaran, proses pengajaran dan proses pembelajaran. Persoalan utama yang akan timbul ialah setakat manakah ketiga-tiga proses ini telah berjaya mencapai sasaran sebenarnya. Adakah objektif utama pengajaran tercapai? Maka proses pentaksiran ($T_1 - T_2 - T_3 - T_4$), memainkan peranan yang amat penting untuk memberi maklum balas kepada semua proses yang telah dilalui.

Jarak masa di antara proses ($O_1 \rightarrow O_2 \rightarrow O_3 \rightarrow O_4$), ($A_1 \rightarrow A_2 \rightarrow A_3 \rightarrow A_4$), ($B_1 \rightarrow B_2 \rightarrow B_3 \rightarrow B_4$) dan ($T_1 \rightarrow T_2 \rightarrow T_3 \rightarrow T_4$) bergantung kepada topik pengajaran yang boleh diselesaikan oleh sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang lengkap, iaitu ($O_1 - A_1 - B_1 - T_1$), ($O_2 - A_2 - B_2 - T_2$), ($O_3 - A_3 - B_3 - T_3$), ($O_4 - A_4 - B_4 - T_4$) dan seterusnya.

Demikianlah aktiviti (**O – A – B – T**) yang berterusan membentuk kitaran proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran lengkap yang dinamik. Setiap kali pusingan pertama tamat dan diikuti dengan pusingan kedua dan berikutnya; objektif (**O**) pengajaran semakin meningkat dengan aktiviti pengajaran (**A**) dan pembelajaran (**B**) yang semakin mencabar. Ini disusuli dengan proses pentaksiran (**T**) yang lebih tinggi sesuai dengan tahap dan aras yang sedang dilalui oleh pelajar dari segi penguasaan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Dalam konteks kajian kes ini, penyelidik mendapati guru sentiasa melakukan peringkat (**O – A – B – T**) secara berterusan. Setiap komponen (**O**) yang tidak tercapai dengan baik di mana pelajar belum menguasai, maka kelas tambahan diadakan bagi memastikan bimbingan pemulihan dilakukan. Bagi kumpulan pelajar yang telah kompeten, maka kelas pengayaan diadakan bagi memberi penekanan kepada elemen (**O**), (**A**), (**B**) dan (**T**) yang lebih tinggi.

Pentaksiran dan Bimbingan Menghadapi Peperiksaan

Walaupun bimbingan berterusan diberikan, namun fokus utama lebih menjurus kepada persediaan peperiksaan. Kaedah ujian bulanan dan peperiksaan biasanya dipilih oleh guru kerana ia sebahagian daripada kewajipan yang perlu dijalankan untuk memenuhi matlamat pengujian secara sumatif oleh pihak sekolah bagi tujuan penempatan, pemberian anugerah dan latihan menduduki peperiksaan awam.

Dalam konteks ini, penyelidik tidak meninjau pencapaian pelajar di dalam ujian bulanan atau peperiksaan penggal kerana fokus kajian kes ini ialah berkenaan dengan amalan pentaksiran guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat melalui temu bual, penyelidik mendapati pencapaian pelajar yang baik di dalam peperiksaan penggal ada kaitan dengan corak pengajaran, pentaksiran, bimbingan berterusan dan juga latar belakang pelajar yang baik. Hasil pentaksiran berterusan juga, guru dapat mentaksir kebolehan pelajar untuk program pemulihan dan pengayaan segera. Melalui pengesahan ini, kelas tambahan petang dan malam diadakan bagi membimbang untuk pemulihan, pengayaan dan juga untuk tujuan menamatkan sukatan pelajaran.

Dalam kajian ini, pengajaran dan pembelajaran yang berlaku semasa penyelidik menjalankan kajian ini satu daripadanya ialah kelas latih tubi sebagai ulangkaji untuk menghadapi peperiksaan akhir tahun. Namun begitu pendekatan yang diambil oleh peserta kajian ialah dengan banyak membimbang dan menggunakan kaedah pentaksiran dalam bilik darjah bertepatan dengan apa yang disentuh oleh Stiggins (2002) dan Azman Wan Chik (1982, 1994).

Peserta kajian juga di dalam proses pengajarannya, banyak melatih pelajar untuk menjawab soalan, kemahiran membaca dan memahami teks. Akibatnya aspek kemahiran berkomunikasi tidak dapat dikuasai dengan baik oleh pelajar. Ini menyebabkan pelajar-pelajar lebih menumpukan kepada menjawab soalan peperiksaan lebih daripada mendapat kemahiran berbahasa yang mencukupi selaras

dengan sasaran kurikulum Bahasa Arab Komunikasi iaitu menekankan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara keseluruhannya.

Bentuk Tekanan dan Orientasi Peperiksaan

Dalam masa yang sama, masalah yang pernah disebut oleh Abu Bakar Nordin (1986) dan Azman Wan Chik (1982) berkenaan dengan tekanan dalam pembelajaran, didapati wujud di dalam kajian kes yang dijalankan ini. Ini berikutkan keperluan menepati kehendak Sekolah Berasrama Penuh dan pentadbiran sekolah untuk memastikan kecemerlangan yang terpaksa diterima oleh semua pihak. Begitu juga berkenaan dengankekangan masa untuk menamatkan sukanan pelajaran pada bulan Julai. Unsur tekanan dankekangan masa seperti ini juga menepati apa yang dilaporkan oleh Meek (2003) berdasarkan kajiannya.

Menurut Ketua Panitia Bahasa Arab sekolah ini, iaitu Ustaz Aziz (nama samaran) dan disokong oleh peserta kajian iaitu Ustazah Siti (nama samaran): “*Walaupun seorang pelajar itu mahir bercakap Arab, tapi gagal atau tidak cemerlang di dalam peperiksaan, maka orang tidak pandang juga*”. Demikianlah dilema yang berlaku apabila tekanan untuk kecemerlangan dalam peperiksaan menguasai pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Ini menyebabkan peserta kajian terpaksa menjalankan kelas tambahan di luar peruntukan masa belajar biasa yang telah ditetapkan. Pada pandangan zahirnya, ini seolah-olah menunjukkan bahawa tempoh masa pengajaran dan pembelajaran rasmi

tidak mencukupi. Tetapi sebaliknya apa yang berlaku di sekolah tempat kajian ini ialah tempoh masa kelas secara rasmi telah digunakan hampir sepenuhnya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kerana gangguan pengurusan kelas, masalah disiplin dan gejala tidak minat belajar didapati hampir tidak wujud di dalam kelas ini. Justeru, tambahan masa yang dibuat dalam bentuk kelas tambahan dan kelas pemulihan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian pelajar di samping menamatkan sukanan pelajaran mengikut jadual.

Berdasarkan kepada laporan pelaksanaan projek gerak gempur Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Muhamad Zahidi Arifin (2002) menjelaskan bahawa tujuan projek ini dijalankan adalah untuk mempertingkatkan prestasi peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi PMR dan SPM 2002 serta mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi bagi SPM 2002 di semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Kelas Kemahiran Agama dan Sekolah Berasrama Penuh. Menurutnya ujian projek tersebut dijalankan dalam 3 peringkat, iaitu Ujian Pra 1, 2 dan 3. Kertas soalan untuk projek ini dibekalkan oleh Bahagian Kurikulum Bahasa Arab, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Manakala pengujianya dicadangkan serentak seluruh negara. Kemudian markah yang diperolehi dihantar kepada pihak JAPIM untuk diteliti dan perbandingan analisis dibuat di antara keputusan ujian pra dengan keputusan peperiksaan PMR dan SPM sebenar.

Cuma dalam hal ini, unsur negatif yang mungkin berlaku ialah pelajar dilatih dan dibimbing untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan (*exam oriented*). Hal ini menepati dengan apa yang dinyatakan oleh Black dan Wiliam

(1998). Begitu juga dengan kenyataan yang diberikan oleh N. Siva Subramaniam (2003). Persaingan dan usaha yang mereka lakukan adalah lebih terdorong kerana tuntutan peperiksaan. Keadaan ini juga mungkin menyebabkan mereka akan mengenepikan kemahiran berbahasa yang sepatutnya digarap bersama sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Ini bermakna hasrat kurikulum pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Falsafah Pendidikan Negara yang telah dinyatakan sebelum ini mungkin tidak mampu dicapai sepenuhnya.

Bagi penyelidik, senario seperti ini akan membawa kesan yang kurang baik kepada perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di sekolah. Ini adalah kerana majoriti pelajar tingkatan satu yang masuk ke sekolah di dalam konteks kajian ini adalah merupakan pelajar yang lulus dengan mendapat 5A di dalam UPSR. Justeru, adakah nasib mereka akan sama seperti pelajar lain yang lebih lemah. Padahal, jika mereka diajar dan dilatih dengan sempurna, maka tidak mustahil mereka akan mahir bertutur, mendengar, membaca dan menulis dengan baik di dalam Bahasa Arab. Bagi penyelidik, perkara ini tidak mustahil kerana berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Black dan Wiliam (1998) pelajar harus dibimbing dan diberi peluang untuk menghayati makna daripada pembelajaran mereka. Begitu juga Abu Bakar Nordin (1986) yang menyatakan bahawa jika dibimbing dengan betul, pelajar akan mampu menguasai apa yang diajar. Demikian juga dengan hasrat yang tersirat di dalam 10 prinsip pentaksiran untuk pembelajaran yang dikemukakan oleh *The Assessment Reform Group* (2001).

Di samping itu, berdasarkan kepada Shepard (2000), kesan negatif daripada pengajaran berorientasikan peperiksaan akan menghasilkan kepercayaan dan amalan paradigma tradisional sebagaimana teori Skinner di mana pelajar memerlukan motivasi dan ganjaran luaran berbentuk ekstrinsik untuk berjaya walaupun dalam tugas yang amat senang. Sepatutnya pelajar dilatih membina jati diri dan daya motivasi dalaman yang bersifat intrinsik. Sebab itu Shepard (2000) membayangkan bahawa suatu perkara yang tidak memerlukan jika terdapat ramai pelajar yang cemerlang di dalam prestasi peperiksaan, tetapi belum menguasai banyak kemahiran yang diperlukan untuk berdikari.

Dalam konteks kajian kes ini, pengajaran dan bimbingan berterusan untuk menjawab peperiksaan memang mampu mempertingkatkan pencapaian pelajar di dalam ujian. Ini adalah berdasarkan maklumat daripada peserta kajian melalui temubual. Tetapi aspek komunikasi seperti bertutur dalam persekitaran sebenar amat lemah walaupun pelajar mengikuti tempoh pembelajaran yang lama di dalam bilik darjah. Sedangkan di dalam kurikulum pendidikan Bahasa Arab Komunikasi dinyatakan dengan jelas sasaran pembelajaran yang harus dipenuhi, iaitu menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa. Kemahiran bertutur adalah merupakan tumpuan utama di dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di samping kemahiran lain seperti yang dinyatakan di dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Sebab itu tidak mustahil ramai pelajar yang masih gagal berkomunikasi dalam Bahasa Arab walaupun mereka cemerlang di dalam ujian bertulis Bahasa Arab Komunikasi.

Implikasi Kajian dan Cadangan Lanjutan

Kajian berkenaan dengan amalan pentaksiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi ini seharusnya memberikan implikasi yang besar terhadap perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi secara khususnya, amalan pentaksiran di dalam bilik darjah, sistem pentaksiran kebangsaan, pendidikan guru dan pengajaran bahasa secara amnya.

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi

Di sudut pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi, terdapat beberapa perkara yang harus diambil perhatian. Jika tidak, maka akan berlaku kegagalan dalam memenuhi hasrat kurikulum mata pelajaran yang dinyatakan di dalam sukatan pelajaran. Justeru, beberapa aspek berikut disarankan agar diberi perhatian:

- (1) Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi harus menekankan semua kemahiran yang telah ditetapkan di dalam kurikulum mata pelajaran, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis secara seimbang.
- (2) Jumlah guru yang mencukupi perlu disediakan bagi mengatasi kekurangan tenaga yang mungkin menyebabkan bebanan bertambah. Jika bebanan guru dapat dikurangkan, maka mereka akan mempunyai

lebih masa untuk merancang pengajaran, pentaksiran dan membantu pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah.

- (3) Pengajaran juga harus dibuat dengan terancang, mentaksir kekuatan dan kelemahan pelajar dengan sama rata, menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai, kreatif serta berkesan, menetapkan objektif perlakuan yang jelas pada setiap sesi pengajaran dan pembelajaran, menggunakan kamus dan mengaitkan maklumat semasa yang sesuai.
- (4) Guru juga perlu mendekati pelajar, membimbing, mendidik dan mengurangkan jarak sosial dengan pelajar. Mengubah suai strategi pengajaran agar sesuai dengan semua unsur berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada aktiviti pentaksiran yang berterusan.
- (5) Memastikan semua objektif mata pelajaran yang dinyatakan di dalam kurikulum diajar dengan berkesan dan sempurna kepada semua pelajar tanpa ada sebarang kompromi dari sudut kandungan mata pelajaran, kemahiran yang diterapkan, kekangan masa atau tahap pencapaian pelajar tertentu.

Amalan Pentaksiran dalam Bilik Darjah

Bagi menjamin perjalanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan sempurna dan berkesan, maka amalan pentaksiran haruslah dilakukan dengan

betul, terancang, sempurna dan saksama seiring dengan apa yang berlaku di dalam bilik darjah. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir dan gagal mencapai sasaran minimum daripada program pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh kurikulum pendidikan. Justeru, maka beberapa perkara berikut harus diambil perhatian:

- (1) Mentaksir kekuatan dan kelemahan pelajar secara berterusan yang disusuli dengan pengukuhan atau pengayaan. Pelajar perlu diberi masa untuk menilai diri sendiri dan membina makna melalui aktiviti pembelajaran yang dilaluinya.
- (2) Elakkan daripada mentaksir dengan tujuan untuk memberi markah, pangkat atau gred yang membezakan antara pelajar yang cemerlang, sederhana dan lemah sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Pelajar sepatutnya dinilai secara memberikan komen yang positif sama ada sudah mencapai tahap kompetensi atau belum. Tiada istilah pelajar yang gagal dan tercicir selagi mana masih ada ruang pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan selagi mana pelajar masih hidup. Ini bermakna budaya melabelkan pelajar dengan pangkat A, B, C, D, E atau F mengikut tahap mereka sejak daripada darjah 1 atau tingkatan 1 mestilah dielakkan kerana ia akan membentuk jurang pencapaian pelajar yang ketara sebelum menduduki peperiksaan sebenar di peringkat kebangsaan (*external*).

- (3) Menggunakan pelbagai mod amalan pentaksiran yang bersifat subjektif bergantung kepada kesesuaian masa, tajuk, kandungan pelajaran, tahap umur pelajar, tahap kefahaman pelajar, kepentingan kemahiran yang diterap dan kesesuaianya dengan pengalaman realiti sebenar pelajar. Kreativiti dan inovasi guru untuk mempelbagaikan mod amalan pentaksiran adalah sangat perlu bagi menarik minat pelajar dan membantu pembelajaran mereka.
- (4) Menggunakan pentaksiran secara lisan bagi mendapat maklum balas segera terhadap pengajaran yang sedang berlaku. Setiap soalan guru perlu disusuli dengan mekanisme pentaksiran segera seperti memantau reaksi pelajar, mimik muka, mendapat respons jawapan pelajar dan mentafsir adakah ianya menggambarkan kejayaan atau kekurangan strategi pengajaran yang telah dilakukan. Soalan lisan daripada pelajar juga perlu digalakkan kerana melaluinya guru dapat mengesan tahap penguasaan yang telah dicapai.
- (5) Jangan memisahkan pengajaran dan pembelajaran daripada pentaksiran. Elakkan hanya mentaksir di akhir pengajaran, seminggu sekali atau sekali-selaka. Sebaliknya pentaksiran perlu berlaku secara formatif, tidak rasmi, berterusan, berurutan, seiring, segera dan menggunakan berbagai aras pentaksiran yang berbeza mengikut tahap penguasaan pelajar.

Sistem Pentaksiran Kebangsaan

Untuk menentukan amalan pentaksiran di dalam proses pengajaran diarahkan ke arah membantu pembelajaran pelajar juga, maka sistem pentaksiran perlu memastikan beberapa perkara berikut:

- (1) Mengurangkan dan seterusnya cuba mengatasi orientasi peperiksaan kepada proses pengajaran guru di dalam bilik darjah melalui pengujudan sistem pentaksiran berasaskan sekolah (*school based assessment*) seperti pentaksiran autentik, portfolio, kerja kursus dan sebagainya.
- (2) Mengiktiraf bentuk pentaksiran yang dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah dalam bentuk pentaksiran untuk pembelajaran, di mana laporan pentaksiran berasaskan sekolah juga turut diambil kira dalam pelaporan pencapaian pelajar keseluruhannya.
- (3) Mengubah format rekod pelaporan pencapaian pelajar di dalam satu sistem pentaksiran berterusan yang bersifat pentaksiran untuk pembelajaran. Elemen pencapaian pelajar perlu dicatatkan secara positif, berbentuk deskriptif, tidak mengutamakan pemberian gred, menerangkan kekuatan dan kelemahan berdasarkan kriteria dan kompetensi mereka di dalam setiap unit pembelajaran yang diikuti. Dengan cara ini ia membantu mengubah cara pentaksiran ke arah membantu pembelajaran pelajar dan meningkatkan pengajaran guru.

- (4) Dalam memastikan kemahiran bertutur di samping kemahiran lain diajar secara seimbang oleh guru, maka adalah disarankan agar ujian lisan untuk Bahasa Arab Komunikasi diwujudkan. Dengan cara ini penekanan yang serupa ke arah penguasaan semua kemahiran yang ditetapkan oleh kurikulum akan diberikan oleh guru semasa mengajar.

Kepentingan Pendidikan Guru

Bagi melaksanakan amalan pentaksiran untuk pembelajaran yang seharusnya menjadi keutamaan di dalam bilik darjah, maka guru perlu dibekalkan dengan pengetahuan yang jelas, kemahiran yang betul, latihan yang mencukupi dan kesedaran terhadap keperluan ini. Justeru, perkara-perkara berikut disarankan agar diambil tindakan ke arah menyediakan kepakaran bagi menjalankan pentaksiran untuk pembelajaran:

- (1) Latihan keguruan dan pendidikan guru perlu menerapkan amalan pentaksiran berterusan yang bersifat membantu pembelajaran pelajar.
- (2) Penyediaan buku teks perlu dirancang agar menyediakan bahan-bahan pentaksiran berterusan yang mencakupi pelbagai aspek ke arah membantu pembelajaran pelajar dengan lebih baik. Guru-guru juga harus diberi pendedahan terhadap bagaimana menggunakan buku teks dengan cara yang lebih berkesan untuk pengajaran dan pentaksiran di dalam bilik darjah.

- (3) Guru juga harus dilatih menyediakan bahan bantu pengajaran yang efektif, sesuai dan menarik dengan menggunakan berbagai bahan termasuk penggunaan komputer dan sebagainya.
 - (4) Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di Kementerian Pendidikan Malaysia yang menguruskan pendidikan guru di maktab perguruan perlu melatih guru ke arah menjalankan pentaksiran untuk pembelajaran di dalam bilik darjah.
 - (5) Universiti disarankan mewujudkan dan memperbanyakkan kursus kursus pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua seperti Bahasa Inggeris (*Teaching Arabic as Second Language – TASL*) untuk melatih guru yang mampu bertutur dan berkemampuan mengajar Bahasa Arab dengan lebih autentik serta menekankan aspek pentaksiran formatif yang berterusan ke arah membantu pembelajaran di dalam bilik darjah.
- (4) Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) perlu memantau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran agar mencapai semua sasaran pembelajaran yang ditetapkan. Tumpuan tidak sewajarnya diberikan terlalu lebih kepada pencapaian di dalam peperiksaan semata-mata yang boleh menambahkan tekanan kepada guru, pelajar dan sekolah. Terlalu banyak peperiksaan percubaan, ujian dan gerak gempur boleh menyebabkan kesan negatif di dalam pembelajaran Bahasa Arab itu sendiri dan mengganggu proses pengajaran serta pentaksiran yang

sepatutnya dilakukan oleh guru. Ini kerana sebagaimana yang dinyatakan, pencapaian Bahasa Arab Komunikasi pelajar di dalam peperiksaan tidak mencerminkan kebolehan yang sebenar di dalam berkomunikasi sebagaimana dihasratkan oleh kurikulum.

Justeru, maka sepatutnya bimbingan kepada guru berbentuk kursus dalam perkhidmatan untuk mendedahkan teknik pengajaran dan pentaksiran yang berterusan di dalam bilik darjah perlu diperbanyakkan bagi menggantikan program penyediaan kertas soalan yang bertubi-tubi. Seharusnya tugas menyediakan bahan peperiksaan bersifat sumatif dan *external* itu dipikul sepenuhnya oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia sahaja. Manakala sekolah, maktab perguruan atau bahagian kurikulum lebih menumpukan kepada pendidikan guru ke arah menghasilkan pengajaran yang mencapai seluruh hasrat kurikulum dan bukannya hanya tertumpu kepada peperiksaan.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, bolehlah penyelidik rumuskan bahawa hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa mod amalan pentaksiran untuk pembelajaran pelajar (*assessment for learning*) berlaku di dalam bilik darjah. Bimbingan berterusan guru didapati mampu menarik minat pelajar dan membantu pembelajaran mereka dengan lebih baik (*for better learning*). Namun begitu, tekanan

terhadap guru dan pelajar juga wujud disebabkan oleh piawaian pencapaian yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Begitu juga dengan kekangan masa untuk menamatkan sukanan pelajaran. Ini menunjukkan walaupun ada unsur pentaksiran untuk pembelajaran di dalam pengajaran, namun tumpuan lebih telah diberikan ke arah mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan (*exam oriented*).

Hasilnya, penyelidik mendapati beberapa kemahiran berbahasa seperti berkomunikasi tidak begitu dikuasai oleh pelajar dengan baik. Banyak masa diberikan terhadap bagaimana menjawab soalan dengan betul dan menepati kehendak peperiksaan. Keadaan ini berlaku kerana kefahaman yang telah jelas di kalangan pentadbir sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar; iaitu walaupun pelajar mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan baik tetapi mereka gagal menunjukkan prestasi cemerlang di dalam peperiksaan, maka ia tetap tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya daripada berbagai pihak.

Justeru, bolehlah diandaikan bahawa ada kemungkinan faktor kegagalan pelajar bertutur dan berkomunikasi dalam Bahasa Arab adalah disebabkan oleh penumpuan bimbingan yang lebih diberikan ke arah menjawab soalan peperiksaan.

Jika inilah satu daripada faktor kelemahan pelajar menguasai Bahasa Arab, maka ia sedang berlaku di sekolah tempat kajian ini sekarang ini, di mana hampir semua pelajar tingkatan 1 berkenaan cemerlang di dalam UPSR dengan mendapat keputusan 5A, tetapi mereka sedang dilatih untuk kemahiran menguasai aspek yang diuji di dalam peperiksaan sahaja. Oleh itu, tidak mustahil dalam masa 2 tahun lagi pelajar tersebut akan mencapai keputusan yang cemerlang di dalam PMR, tetapi

kurang berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Arab. Adakah ini mencerminkan pencapaian yang sebenarnya?

Perkara yang sama jika ditinjau di sekolah berasrama penuh atau terpilih yang lain dan bagi mata pelajaran yang lain juga mungkin turut berlaku sama. Sedangkan jika amalan pentaksiran dan bimbingan yang betul diajar secara saksama, maka tidak mustahil selepas mengikuti beberapa tahun siri pembelajaran yang sempurna, mereka akan menguasai semua kompetensi yang ditetapkan di dalam setiap mata pelajaran.

Inilah bahayanya akibat daripada orientasi peperiksaan yang berlaku di dalam sistem pendidikan negara yang menyebabkan peranan guru, bilik darjah dan sekolah yang sepatut mendidik, membimbing dan melatih pelajar menguasai semua aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek menerusi domain kognitif, psikomotor dan afektif telah bertukar menjadi jentera dan tempat untuk melatih tubi pelajar menduduki peperiksaan dengan mengurangkan fokus terhadap sasaran kurikulum yang lain.

Oleh itu, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan haruslah dikaji dan dimurnikan jika negara berhajat untuk melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan mantap dengan segala kemahiran serta mempunyai jati diri yang tinggi.

Penutup

Sebagai menutup laporan kajian ini yang dilakukan dengan kaedah kajian kes secara kualitatif; penyelidik merasakan bahawa pengalaman memasuki lapangan kajian yang sebenar, mendapat kebenaran dan seterusnya mendapat persetujuan

peserta kajian adalah suatu perkara yang amat mencabar. Ia menuntut penyelidik untuk berhati-hati, mengatur perancangan dengan teliti dan menjaga setiap perkara termasuk yang paling penting ialah emosi peserta kajian dan pihak pentadbir sekolah.

Dalam masa yang sama penyelidik sedar bahawa instrumen kajian ini ialah penyelidik sendiri yang merupakan seorang manusia biasa yang terdedah kepada berbagai kelemahan.

Justeru, penyelidik merasakan disiplin seorang pengkaji amat penting dalam mematuhi masa, temu janji, menyediakan catatan lapangan, menyediakan sistem fail yang teratur, membuat tinjauan literatur yang lengkap, mengutip dan seterusnya menganalisis setiap data yang terhasil. Tanpa persediaan mental dan fizikal, penyelidik merasakan kajian kes secara kualitatif seperti ini tidak dapat disiapkan dengan baik dalam masa yang ditetapkan.

Semoga hasil kajian kes ini walaupun tidak boleh digeneralisasikan kepada permasalahan di tempat lain, namun ianya mampu memberikan implikasi yang besar terhadap perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi secara khusus dan juga terhadap pendidikan bahasa-bahasa lain, amalan pentaksiran, sistem pentaksiran kebangsaan dan juga penumpuan pihak-pihak tertentu terhadap bimbingan dan latihan keguruan yang berterusan ke arah merealisasikan pentaksiran untuk pembelajaran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.